

E-PENDIDIKAN CABARAN WARGA PENDIDIK PADA ERA COVID-19

KAEDAH pengajaran dan pembelajaran mengalami anjakan yang amat besar apabila negara khususnya dan dunia amnya mengalami wabak pandemik COVID-19 bermula Mac tahun ini. Keadaan yang di luar jangka itu menyebabkan hampir semua negara di seluruh dunia melaksanakan langkah berjaga-jaga bagi membendung penularan serta angka kematian yang semakin meningkat dari hari ke hari.


MALAYSIA turut tidak terlepas daripada situasi tersebut sehingga kerajaan terpaksa mengambil langkah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Jumlah kes serta angka kematian yang semakin meningkat menyebabkan kerajaan memperketat PKP dengan hanya membenarkan pihak tertentu sahaja beroperasi terutama mereka yang berada di barisan hadapan seperti doktor dan jururawat di hospital serta polis dan anggota tentera untuk menjaga keselamatan negara. Hasilnya, Malaysia diiktiraf antara negara yang paling berjaya dalam usaha misi membendung wabak koronavirus atau COVID-19.

Penularan wabak COVID-19 serta pelaksanaan PKP turut

mengakibatkan penutupan semua institusi pendidikan di negara ini bermula dari peringkat taman asuhan kanak-kanak (taska) dan taman didikan kanak-kanak (tadika) hingga ke peringkat institut pengajian tinggi (IPT). Akibatnya, anak di taska dan tadika, pelajar di sekolah rendah dan menengah serta mahasiswa dan mahasiswi di negara ini tidak dapat mengikuti pendidikan atau pengajian sebagaimana kebiasaannya. Gangguan yang berlaku ini ternyata memberikan impak yang cukup besar terhadap sistem pendidikan negara.

Namun demikian, menyedari hakikat bahawa pendidikan di Malaysia merupakan usaha yang berterusan seiring dengan falsafah pendidikan negara, maka kerajaan



Aktiviti pelajar berjalan seperti biasa dengan mengamalkan langkah pencegahan pandemik COVID-19.

mengerahkan seluruh warga pendidik merangkumi guru di taska, tadika, sekolah rendah dan menengah serta tenaga pensyarah IPT di negara ini untuk menganjakkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang selama ini secara bersemuka kepada penggunaan teknologi yakni dalam talian. Natijahnya, warga pendidik terpaksa mendepani pelbagai cabaran dalam usaha mengendalikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian [pendidikan elektronik (e-pendidikan)].

Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian memerlukan penguasaan tahap teknologi yang tinggi dan canggih. Warga pendidik harus memastikan diri mereka benar-benar bersedia dengan segala pengetahuan berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Penggunaan Zoom, Microsoft Teams, Skype, Google Meet dan seumpamanya berupaya mendekatkan warga pendidik dengan para pelajarnya sama seperti semasa mengadakan sesi bersemuka dalam kelas. Penguasaan teknologi memungkinkan warga pendidik menyalurkan maklumat serta memberikan ruang untuk pelajar menyiapkan latihan serta tugasan bagi memenuhi kehendak mata pelajaran yang diikuti. Penggunaan google classroom, google doc, google sheet, google slides dan banyak lagi aplikasi berkaitan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian memudahkan tugas mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran.

Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak seindah mata memandang. Banyak dalam kalangan warga pendidik ini ternyata tidak bersedia menghadapi situasi tersebut. Mereka umpama bidan terjun yang harus atau terpaksa melaksanakan tanggungjawab mereka biarpun tidak atau kurang memiliki pengetahuan berkaitan dengan teknologi moden ini. Keadaan mereka tidak ubah seperti pelanduk yang dikejar oleh anjing perburuan Parameswara ketika singgah di kawasan perkampungan nelayan yang kemudian dikenali sebagai

Murid prasekolah tidak terkecuali menerima gangguan pembelajaran disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan.



Melaka. Pelanduk itu terus berlari untuk menyelamatkan diri daripada menjadi mangsa anjing tersebut. Larian itu akhirnya terhenti kerana lautan yang ada di hadapannya. Keadaannya umpama ditelan mati emak, diluah mati bapa. Pelanduk tidak punya pilihan selain mendepani anjing perburuan tersebut untuk menyelamatkan dirinya. Demikian juga situasi yang dilalui serta ditempuhi oleh warga pendidik. COVID-19 dan PKP memaksa mereka keluar dari zon selesa mengikut arus bagi memenuhi tanggungjawab mendidik anak bangsa. Mereka tidak punya pilihan selain berusaha memastikan diri dilengkapi dengan sebanyak mungkin pengetahuan berhubung dengan e-pembelajaran tersebut.

Seiring dengan pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, capaian teknologi khususnya Internet amat diperlukan. Capaian Internet yang berkesan memberikan nilai tambah untuk warga pendidik melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih baik dan berkesan. Berdasarkan laporan rasmi terkini, lebih 90 peratus isi rumah di Malaysia mempunyai akses Internet yang menyebabkan berjuta-juta rakyat "terpaku" di hadapan peranti mereka semasa PKP bagi membendung penularan

COVID-19. Berdasarkan kajian penggunaan dan capaian teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) oleh individu dan isi rumah yang dijalankan oleh jabatan perangkaan mendapati capaian isi rumah terhadap Internet meningkat 3.1 peratus mata kepada 90.1 peratus pada tahun 2019 berbanding dengan 87.1 peratus pada tahun 2018. Peningkatan dalam penggunaan Internet sepanjang musim PKP tersebut ternyata memberikan kesan terhadap kelajuan internet.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memaklumkan bahawa aliran trafik Internet di seluruh negara meningkat sebanyak 23.5 peratus pada minggu pertama pelaksanaan PKP, serta 8.6 peratus pada minggu kedua. Walau bagaimanapun, peningkatan penggunaan data itu menyebabkan berlakunya kesesakan dalam aliran trafik Internet, sekali gus menyebabkan penurunan kadar kelajuan muat turun. Keadaan ini pasti sahaja merencatkan pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Situasi ini menjadi lebih sukar bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman. Keadaan ini bertambah buruk jika peralatan teknologi yang sepatutnya perlu, tidak dimiliki oleh warga pendidik kerana kurangnya pengetahuan tentang perkara tersebut.

Sikap dan pendirian pelajar juga turut menjadi cabaran kepada warga pendidik mengendalikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Sebahagian besar daripada pelajar menerima perubahan ini secara positif meyakini bahawa mereka perlu meneruskan pembelajaran dalam suasana kebiasaan baharu. Pemilikan peranti seperti telefon pintar, Komputer riba serta peranti yang bersesuaian untuk pembelajaran memudahkan para pelajar mengikuti pendidikan mereka secara berkesan tanpa sebarang kekangan.

Namun begitu, tidak semua pelajar yang berupaya menikmati kemudahan tersebut. Ada antara pelajar yang tidak begitu meminati atau memberikan komitmen terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian. Pengendalian sesi secara bersemuka dalam talian seperti menerusi zoom, teams, skype dan google meet sering bersifat sehalu apabila pelajar enggan berinteraksi atau berkomunikasi dengan pengajarnya. Ada juga pelajar yang mematikan fungsi video dan audio mereka sehingga hanya nama sahaja yang muncul untuk tujuan kehadiran. Guru atau pensyarah akan menganggap mereka sedang mengikuti kelas dalam talian. Sebaliknya, pelajar pula mungkin tidur atau buat kerja mereka sendiri tanpa memberikan fokus kepada kelas yang sedang berlangsung. Keadaan ini menjadi lebih mencabar sekiranya warga pendidik mengadakan kelas awal pagi seperti pada pukul 8.00 atau 9.00 pagi apabila para pelajar terutama pelajar lelaki masih di atas katil melayani mimpi selepas tidur lewat kerana bermain permainan PUBG atau Mobile Legend. Demikian antara situasi yang terpaksa dihadapi oleh warga pendidik apabila mengendalikan kelas dalam talian.

Di atas kertas, pengendalian kelas dalam talian nampak menarik dan mudah. Walau bagaimanapun, e-pembelajaran tidak sebagaimana yang dirancang. Banyak cabaran yang terpaksa dihadapi oleh warga pendidik ketika mengendalikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam

talian. Penularan wabak pandemik COVID-19 secara tiba-tiba telah memaksa warga pendidik keluar dari zon selesa yang selama ini menjadi kelaziman. Mereka tidak punya pilihan selain mengikut rentak dan kehendak aspirasi pendidikan dalam suasana kebiasaan baharu. Jika sebelum ini, kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian merupakan satu pilihan tetapi kini, kaedah ini menjadi satu keperluan yang menghambat semua pihak tanpa mengira kedudukan atau peranan sama ada tenaga akademik ataupun bukan akademik, pelajar, ibu bapa serta pengurusan pentadbiran di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pandemik COVID-19 telah mengubah dimensi kehidupan masyarakat tanpa mengira latar belakang ras, agama dan negara. Wabak pandemik ini ternyata memberikan impak yang cukup besar dalam kehidupan individu. Tanggungjawab melawan wabak ini terpaksa dipikul oleh wira dan wirawati barisan hadapan seperti doktor dan jururawat.

Pelaksanaan PKP pula telah menarik penglibatan pasukan keselamatan seperti polis, tentera, rela dan penguatkuasa. Penglibatan serta peranan pasukan perubatan dan anggota keselamatan telah mendapat sanjungan pelbagai lapisan masyarakat di seluruh dunia kerana komitmen yang ditunjukkan dalam melawan COVID-19.

Ketika sanjungan diberikan kepada pasukan perubatan dan anggota keselamatan, wajar juga diambil iktibar akan peranan yang dimainkan oleh warga pendidik.

Oleh sebab itu, sumbangan bakti warga pendidik perlu diberikan pengiktirafan yang sewajarnya. Peranan mereka dalam meneruskan kesinambungan mendidik anak bangsa dalam apa-apa juga situasi harus dinobatkan serta dihargai. Benarlah bagai dikata bahawa guru umpama lilin yang membakar diri untuk menerangi kehidupan orang lain. **PB**



**Bak kata
Sasterawan Negara
Usman Awang,**

*Jika hari ini seorang
Perdana Menteri berkuasa
Jika hari ini seorang raja
menaiki takhta
Jika hari ini seorang presiden
sebuah negara
Jika hari ini seorang ulama
yang mulia
Jika hari ini seorang peguam
menang bicara
Jika hari ini seorang penulis
terkemuka
Jika hari ini siapa sahaja
menjadi dewasa*

*Sejarahnya dimulakan
oleh seorang guru biasa
Dengan lembut sabarnya
mengajar tulis baca.
Di mana-mana dia berdiri
di muka muridnya
Di sebuah sekolah mewah
di ibu kota
Di bangunan tua sekolah Hulu
Terengganu
Dia adalah guru mewakili seribu
buku
Semakin terpencil duduknya
di ceruk desa
Semakin bererti tugasnya
kepada negara.*